

10 MAR 2001

Mahathir-Polis

SITUASI TERKAWAL, ORANG RAMAI TIDAK PERLU BIMBANG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata situasi di sekitar Taman Desaria dan kawasan sekitar dekat Jalan Klang Lama di sini, tempat berlaku pergaduhan antara dua kumpulan penduduk, kini terkawal.

"Saya ingin memberi jaminan kepada penduduk bahawa polis akan mengawal keadaan," kata Perdana Menteri kepada TV3 hari ini.

Dr Mahathir berkata pergaduhan itu adalah sesuatu yang terpencil.

Beliau berkata polis akan memastikan bahawa insiden itu tidak berulang.

"Keadaan akan kembali tenang," kata beliau.

Sebelumnya, Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Mohd Jamil Johari berkata sebanyak 70 orang ditahan berikutan pergaduhan itu sejak malam Khamis.

Kata Mohd Jamil, sehingga ini, tiga orang telah mati dan 18 cedera termasuk lima cedera parah.

Mohd Jamil juga berkata tidak ada sebab untuk mengisytiharkan perintah berkurung.

Katanya, polis juga merampas senjata tajam seperti parang, pisau, pedang samurai dan cangkuk besi ais.

Perdana Menteri berkata kejadian itu dikatakan bermula selepas pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab memulakan khabar angin bahawa orang India menyerang orang Melayu.

Dr Mahathir sebelum itu memberi taklimat kepada Sultan dan Sultanah Johor yang melawat Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya.

-- BERNAMA

ES ES FAZ